

PENGURUSAN BENCANA DALAM KALANGAN PEKERJA KECEMASAN

Mohd Dahlan Hj. A.Malek, PhD

Fakulti Psikologi dan Pendidikan

Universiti Malaysia Sabah

PENDAHULUAN

- Kertas kerja ini membincangkan tentang konsep bencana, tahap bencana serta bagaimana pengurusan bencana yang efektif dapat dilaksanakan dengan menekankan aspek psikologi dalam kalangan pekerja kecemasan.
- Kertas kerja ini juga akan membincangkan tentang bentuk bencana yang merupakan salah satu fenomena yang seringkali dialami oleh individu, masyarakat dan juga negara di mana ianya merupakan fenomena sejagat disamping membincangkan peranan Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam menghadapi bencana di Malaysia

PENDAHULUAN

- Konsep Bencana
- Bagaimana pengurusan bencana yang efektif dapat dilaksanakan
- Refleksi dan pengajaran penting dari peristiwa bencana Banjir di Kelantan, Gempa Gunung Kinabalu di Kundasang, Sabah dan juga Tsunami di Nanggroe Aceh Darussalam serta Sumatera Utara

- hampir setiap waktu berlakunya bencana di tanah air kita dan juga Negara-negara jiran terutamanya Indonesia, baik berskala kecil mahupun besar.
 - Bencana Alam dan Sosial
-

BENCANA SOSIAL

- Rusuhan seperti yang berlaku di Indonesia iaitu rusuhan kaum di Kalimantan Barat, Pertikaian Agama di Poso, Pertikaian Agama di Ambon, Bom di Bali, begitu juga dengan Pesawat Garuda yang terhempas di Sungai Bengawan Solo dan juga pesawat Airsia Indonesia QZ8501 yang terhempas di Laut Jawa dan juga pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH17 yang ditembak jatuh di Ukraine dan juga kehilangan pesawat MH370

BENCANA ALAM

- Begitu juga Bencana Gunung Papandayan, Bencana Tanah Longsor di Garut, Bom di Hotel J.W Marriot, Jakarta , Gempa Nabire dan Alor, kemalangan pesawat LION Air malahan yang terbaru bencana Gempa dan Gelombang Tsunami yang melanda Nangroe Aceh Darussalam dan Sumatera Utara serta gempa Gunung Kinabalu, Kundasang, Sabah dan tanah runtuh di Lebuh raya Karak

- Hampir semua orang membincangkan tentang bencana yang terjadi, namun bagaimana dengan pengurusan bencana yang efisien dilaksanakan mahupun diperingkat negeri dan juga kebangsaan terutamanya dalam kalangan pekerja kecemasan yang saban hari terlibat dengan bencana.
-

DEFINISI BENCANA

- Setakat ini tidak ada definisi bencana yang dapat diterima secara universal.
- The Oxford English Dictionary misalnya mendefinisikan bencana sebagai *sudden or great misfortune; calamity; complete failure* (Sykes, 1987)

- Definisi yang dikeluarkan oleh Majelis Keselamatan Negara, bencana merupakan “ Suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan Negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggemblerangan sumber yang ekstensif.”

DEFINISI

- Persoalan definisi ini bukannya suatu isu yang baru kerana ianya melibatkan pelbagai jenis dan bentuk bencana dan cara menanganinya juga berbeza .
- Raphael (1986) berpendapat bahawa bencana merupakan '*overwhelming events*', datang dalam pelbagai bentuk dan pelbagai skala

BENTUK BENCANA

Lyons (1999) juga mengklasifikasikan bencana kepada

1. bencana alam (*natural disaster*) dan bencana buatan manusia (*man-made disaster*) seperti gempa bumi dan letupan gunung
2. bencana akibat perbuatan manusia (*man-made disaster*) iaitu hasil daripada tindakan secara langsung atau tidak langsung seperti peperangan, konflik penduduk, pengganas, dan kegagalan teknologi.

Bagaimanapun, kerap kali terjadi bencana alam mempunyai kaitan dengan tingkah laku manusia dan bahkan keputusan politik dan ekonomi juga mempengaruhi persekitaran fizikal termasuk cuaca, banjir, jerebu, dan lain-lain.

- bencana yang bersifat kecil (*small disaster*) jika hanya melibatkan kematian sehingga dua puluh orang, manakala skala yang sederhana (*medium disaster*) melibatkan kematian lebih daripada seratus orang manakala bencana berskala besar (*biggest disaster*) melibatkan kematian seribu orang
-

PENGURUSAN BENCANA

- Terma Pengurusan Bencana seringkali dibincangkan di media dan ianya menjadi satu penekanan di mana kerajaan Malaysia melalui Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta sedang aktif menjalankan kajian-kajian berkaitan dengan bencana
- Ini terbukti dengan adanya geran khas yang diperuntukkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (Geran Banjir 2015)

- Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama UNICEF dan Mercy Malaysia telah melaksanakan beberapa program seperti Smart Support Team (SST MOE) dan 'School Watching Program' di sekolah-sekolah bagi meningkatkan semangat kesukarelawanan di kalangan guru dan pengurusan risiko bencana di kalangan pelajar-pelajar sekolah.
- Kadet pekerja kecemasan juga telah diperkenalkan di sekolah dan universiti seperti paramedik dan kadet bomba,

- Di Malaysia, pengurusan bencana dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Bencana Negara di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN) , Jabatan Perdana Menteri.
- Kerajaan Malaysia juga telah menubuhkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) pada 2015 bagi menyelaraskan dan mengurus bantuan bencana dalam negara dengan lebih teratur dan efektif.
- Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat diberi tugas khas untuk membantu mangsa-mangsa bencana.

- MKN berperanan sebagai *focalpoint* dalam pengurusan krisis dan bencana dalam dan luar negara yang merangkumi aspek pencegahan dan peredaaan (*prevention and mitigation*), persediaan (*preparedness*), tindak balas (*response*) serta pemulihan dan pembangunan semula (*recovery and reconstruction*).
- Pengurusan krisis dan bencana melibatkan fungsi koordinasi, kawal selia serta meningkatkan kesedaran masyarakat dalam pengurangan risiko bencana.

PERSOALANYA

- SEJAUHMANA PENGURUSAN BENCANA DI MALAYSIA DI LAKSANAKAN DENGAN EFISIEN?

- Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang negara (PAC) Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, MKN mengakui ada **kelemahan dari segi perancangan** pengurusan banjir berikutan timbul masalah kerjasama dengan kerajaan negeri.

- Menurut Datuk Mohamed Thajudeen, setiausaha Majlis Keselamatan Negara berkata meskipun kita ada prosedur operasi standard (SOP) dalam menangani sesuatu bencana, banjir kali ini sangat luar biasa. SOP sedia ada perlu diteliti semula sebagai persediaan menghadapi bencana yang di luar jangka. Kali ini air naik mendadak dengan pantas sehingga menyebabkan segala bentuk bantuan menjadi terbantut untuk dihantar kerana laluan utama terputus ditambah dengan keadaan cuaca tidak menentu menyebabkan laluan udara turut tidak sesuai. Sistem koordinasi yang dirangka dalam **SOP sedia ada sudah tidak relevan lagi ketika itu.**

PERSOALAN

- Menurut Adi Fahrudin dan Mohd Dahlan (2015) isu bencana alam di Indonesia telah ada yang menanganinya, tetapi peristiwa gempa dan Tsunami di NAD dan Sumut beberapa waktu yang lalu, menyedarkan kita bahawa sistem pengurusan bencana yang kita miliki tidak efektif. Dimana proses membuat keputusan dan juga bantuan masih tidak dapat dilaksanakan dengan pantas yang mungkin dan efisien serta apa yang terjadi pada ketika itu, komadan yang bertugas tidak dapat menjalankan kewajipan dengan efisien.

- Begitu juga dengan apa yang berlaku dengan bencana banjir di Kelantan baru-baru ini. Berdasarkan kajian Mohd Dahlan, Ferlis Bullare, Adi Fahrudin, Ida Shafinaz & Zatul Karamah (2016) mendapati bahawa tidak ada kesepakatan daripada pihak yang berkaitan dan juga pengurusan yang efisien bagi menangani musibah banjir di Kelantan

PERSOALAN

- SOP PENGURUSAN BANJIR 2013-TERBAIK NAMUN TIDAK DILAKSANAKAN MASA BENCANA 2014
- RUMUSAN DARIPADA DIOLAG BENCANA BANJIR 28 MEI 2015 ANJURAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA DAN MAJLIS PROFESSOR NEGARA MENDAPATI:
 1. BANYAK KELEMAHAN PENGURUSAN BENCANA
 2. (ASET TIDAK BOLEH KELUAR SELEPAS JAM 7 MALAM)
 3. TIDAK ADA KESEPAKATAN
 4. KESEDARAN MASYARAKAT PERLU DIPERTINGKATKAN
 5. PERLU ADA MODUL PENGURUSAN PSIKOSOSIAL BENCANA

PENEMPATAN MANGSA BANJIR



PENEMPATAN MANGSA BANJIR





GEMPA GUNUNG KINABALU



TAHAP-TAHAP PENGURUSAN BENCANA

1. TAHAP 1

2. TAHAP 2

3. TAHAP 3

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JKM DI DALAM PENGURUSAN BENCANA

- Sebagai anggota dalam Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah bertanggungjawab terhadap kerja-kerja penyaluran bantuan dan pemulihan mangsa-mangsa bencana. Seperti yang terkandung dalam Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20, Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai empat (4) peranan dan tanggungjawab utama iaitu:
 - Menyedia dan menyelenggarakan pusat-pusat pemindahan.
 - Membuat persediaan dan mengedarkan bantuan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan.
 - Menjalankan pendaftaran ke atas mangsa untuk tujuan pemulihan semula mangsa bencana.
 - Memberi bimbingan, nasihat dan kaunseling kepada mangsa-mangsa.

- Pengurusan bencana pada dasarnya mengandung unsur-unsur yang saling berkaitan Antara satu dengan yang lainnya
 1. Pencegahan
 2. Kesiapsiagaan
 3. Mitigasi /pengurangan
 4. Misi Bantuan kecemasan
 5. Rehabilitasi
-

- Untuk itu maka pengurusan bencana di Indonesia dan Malaysia khususnya bencana alam seharusnya perlu diperhalusi terutama yang berkaitan dengan:
 1. Pengurusan kesedaran
 2. Pengurusan penanggulangan/mengatasi bencana.
 3. Pengurusan rehabilitasi
-

MODUL PENGURUSAN BENCANA DALAM KALANGAN PEKERJA KECEMASAN

- Apabila berlaku sesuatu bencana, pengurusan bencana yang komperensif dan efisien memainkan peranan yang penting dalam menangani pelbagai permasalahan yang dihadapi sama ada mangsa bencana, keluarga dan juga para penyelamat itu sendiri.
- Oleh sebab itu untuk menghasilkan pengurusan bencana yang berkesan dan efektif selain daripada penyelarasan dan peranan yang dimainkan oleh pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) satu model pengurusan psikologi kepada para pekerja kecemasan juga perlu dibentuk.
- Ini kerana pekerja kecemasan seperti anggota bomba merupakan salah satu aset yang penting untuk sesebuah negara bagi membantu operasi menyelamatkan mangsa bencana .

- Bencana alam merupakan peristiwa atau kejadian yang disebabkan oleh faktor-faktor kemusnahan alam yang dapat mengakibatkan banyak kerosakan, kerugian harta benda serta kemalangan jiwa.
- Selain mangsa, sudah pasti para pekerja kecemasan seperti anggota bomba turut menerima kesan dari aspek psikologikal semasa mereka menjalankan tugas.
- Oleh itu, satu kajian kuantitatif telah dijalankan bertujuan untuk melihat hubungan antara stres dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan anggota bomba.
- Disamping itu, sejauhmana mereka bersedia dalam aspek psikologi dalam menghadapi bencana dan kerja menyelamatkan mangsa-mangsa yang terlibat serta bagaimanakah tahap kesejahteraan psikologi serta stres pekerja kecemasan yang terlibat dalam menghadapi situasi kecemasan.
- Kajian ini dijalankan beberapa kawasan yang diwakili oleh zon iaitu zon timur di Kelantan, zon utara di Kedah dan zon selatan di Johor.

- Alat kajian yang digunakan ialah *The American Institute of Stress (AIS)* dan *Scales of Psychological Well-Being*. Seramai 604 orang anggota bomba yang terlibat sebagai responden kajian ini.
 - Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan antara stres di tempat kerja dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan anggota bomba di Malaysia
 - Ini perlu ada modul pengurusan psikososial bencana yang memfokuskan kepada aspek psikologi dalam mengurus bencana terutamanya untuk para pekerja kecemasan.
-

QUA VADIS

- PENAMBAHBAIKAN SOP PENGURUSAN BENCANA
- SOP PENGURUSAN BANJIR KEMAMAN 2013
- BANTUAN KERAJAAN JEPUN
- VIDEO

KESIMPULAN

- Kesimpulannya pengajaran yang penting yang dapat dipelajari dari musibah gempa dan Tsunami adalah bahwa perlu adanya satu pengurusan bencana yang efisien dan juga persepakatan diantara semua pihak yang terbabit.
- Oleh sebab itu koordinasi dan saluran informasi perlu dilakukan dan persediaan sosial menghadapi bencana perlu diutamakan.

KESIMPULAN

- Disamping itu untuk pekerja kecemasan terutamanya anggota bomba dan penyelamat juga perlu diberi latihan dan juga penekanan kepada aspek psikologi. Ini adalah berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan didapati mereka menghadapi stres di tempat kerja yang sederhana dan cenderung kepada tahap stress yang tinggi. Begitu pula jika dilihat dari kesejahteraan psikologi majoriti sederhana dan tinggi. Hasil pengujian hipotesis menunjukkan terdapat hubungan yang negatif signifikan antara stres di tempat kerja dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan mereka.

KESIMPULAN

- Berdasarkan dapatan ini dicadangkan agar stres dan kesejahteraan psikologi pekerja bomba dan penyelamat perlu diambil perhatian

KESIMPULAN

- Perlu dibentuk satu modul yang boleh digunakan oleh para pekerja bomba dan penyalamat dalam mengatasi masalah stres yang mereka hadapi.

- Dengan adanya modul yang memfokuskan kepada elemen psikologi dalam kalangan pekerja kecemasan sudah pasti mereka dapat menjalankan tanggungjawab dengan lebih berkesan dengan dibantu oleh garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang diselaraskan oleh pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara.